



**PUSAT SAINS NEGARA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

NO. SEBUTHARGA : PSN(S)5102/5

**KERJA-KERJA BAIKPULIH DAN NAIK TARAF RUANG PERANCANGAN OPERASI, AKTIVITI
DAN PENGURUSAN PENTADBIRAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PSNKL**

TARIKH IKLAN : 30 JANUARI 2026 (JUMAAT)

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan **Selangor Darul Ehsan** serta mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah Gred **G3 Kategori B (Bangunan)** Pengkhususan **B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)**.
(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini).
2. Taklimat sebut harga dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Penyebutharga hendaklah kemukakan **Sijil Pendaftaran Asal Lesen Kewangan, CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan), PKK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** ketika sesi pendaftaran. Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan seperti ketetapan berikut:

TARIKH	MASA	TEMPAT
06 Februari 2026 (Jumaat)	3.00 petang	Auditorium Ibnu Sina, Aras 3, Pusat Sains Negara Kuala Lumpur

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

3. Harga Dokumen Sebut Harga adalah **PERCUMA**.
(Tempoh sah laku Sebut Harga adalah 90 hari dari tarikh tutup iklan ini).
4. Dokumen Sebut harga akan dihantar melalui **E-MEL RASMI SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB SAHAJA (e-mel persendirian tidak dibenarkan)** yang didaftarkan ketika pendaftaran sesi taklimat dan lawatan tapak serta syarikat yang berjaya melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan seperti di para 2 bermula dari **06 Februari 2026 (Jumaat)**.
5. Dokumen sebut harga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam satu (1) sampul surat dengan serahan tangan dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di Unit Pengurusan, Aras 3, Pejabat Pentadbiran, Pusat Sains Negara, Persiaran Bukit Kiara, 50662 Kuala Lumpur pada **23 Februari 2026 (Isnin)** sebelum jam **12.00 tengah hari**.
6. Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 03-20893445 atau emelkan kepada **norraini@psn.gov.my**.


.....
(Ir. Nur Hasmawi Bin Abu Bakar)
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Sains Negara